

Headline	<b>Malaysia akan ambil doktor haiwan luar</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>02. Apr 2008</b>	Page No	<b>13</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>344 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



## Malaysia akan ambil doktor haiwan luar

**S**EDANG: Malaysia mungkin mengambil pegawai veterinar atau doktor haiwan dari negara luar, termasuk Indonesia berikutan kekurangannya semakin kritikal akibat persaraan serta graduan yang lebih berminat bekerja di sektor swasta.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, berkata cadangan itu sedang diperhalusi dan terserah kepada agensi kerajaan terbabit untuk mengambil tindakan itu sebagai langkah sementara.

"Kita akui negara kini mengalami kekurangan pegawai veterinar agak kritikal. Saya sendiri sudah mengadakan dialog bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) kelmarin bagi mengatasi masalah ini.

"Sebagai langkah sementara, negara mungkin perlu mengambil pegawai veterinar dari luar," katanya selepas menghadiri sesi taklimat dan lawatan ke Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Rohani Abdul Karim; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Zulkifli Idris dan Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman.

Mustapa berkata, bagi menampung kekurangan itu, UPM juga akan membesarkan kapasiti Fakulti Veterinar supaya lebih ramai pelajar diambil berbanding hanya 120 orang untuk satu sesi pengambilan ketika ini.

Bagaimanapun, UPM hanya boleh berbuat demikian selepas infrastruktur yang diperlukan siap dua tahun lagi.

Berikutan itu, beliau berharap perancangan Universiti Darul Iman, Terengganu untuk membuka Fakulti Veterinar akan dapat disegerakan bagi menampung teknologi kerja pegawai veterinar yang tidak mencukupi.

Mustapa berkata, kementeriannya juga akan berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menyediakan biasiswa pertanian serta bidang veterinar.

"Dengan adanya biasiswa, mereka akan terikat bekerja dengan kerajaan dan bukan semua graduan akan memasuki sektor swasta.

"Saya juga menasihatkan pelajar supaya menyertai bidang pertanian khususnya sektor veterinar ini kerana ia sedang pesat berkembang dan menjanjikan peluang kerja yang luas," katanya.